

Model Wakaf Pendidikan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Secara Maya Fasa Pandemik Covid-19

Waqaf Education Model of Virtual Al Quran and Fardu Ain (Kafa) Classes in The Covid-19 Pandemic Phase

Amiratul Munirah Yahaya¹, Shofiyah Moidin², Mohd Asmadi Yakob³, Hajarul Bahti Zakaria⁴, Murihah Abdullah⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia;

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia;

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia;

⁴Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur;

⁵Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 01 June 2022

Disemak: 23 July 2022

Diterbit: 1 September 2022

*Perhubungan Penulis:

Dr Amiratul Munirah Yahaya,
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA
(UiTM), Shah Alam, Malaysia;
Email: amiratul@uitm.edu.my

Shofiyah Moidin, Akademi
Pengajian Islam Kontemporari
(ACIS), Universiti Teknologi
MARA (UiTM), Shah Alam,
Malaysia; Email: shofiyah@uitm.edu.my

Dr Mohd Asmadi Yakob,
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA
(UiTM), Shah Alam, Malaysia;
Email: asmadi716@uitm.edu.my

Dr Hajarul Bahti Zakaria,
Institut Pendidikan Guru
Kampus Ilmu Khas, Kuala
Lumpur Malaysia;
Email: hajarul@ipgkik.edu.my

Dr Murihah Abdullah, Fakulti
Sains Kemanusiaan, Universiti
Pendidikan Sultan Idris, Tanjung
Malim, Malaysia;
Email: murihah@fsk.upsi.edu.my

Abstrak: Situasi pandemik COVID-19 telah mengubah semua landskap pendidikan termasuklah pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Sebelum pandemik kelas dikendalikan secara bersemuka, namun semasa pandemik pembelajaran secara bersemuka telah beralih kepada pembelajaran secara maya (e-learning). Justeru itu teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya menjadi lebih mencabar apabila aspek kreativiti dan inovasi diperlukan untuk berhadapan dengan situasi ini agar mampu memberikan penyelesaian kepada norma baharu. Bagi memenuhi keperluan pembelajaran secara digital ini tentulah memerlukan peralatan-peralatan teknologi tertentu seperti komputer peribadi, telefon pintar, gajet dan sebagainya. Peralatan-peralatan itu kadang-kadang tidak mampu disediakan oleh para ibu bapa dan guru. Justeru itu wakaf pendidikan antara solusi terbaik bagi menyelesaikan perkara ini. Objektif kajian ini menghuraikan secara umum latar belakang pendidikan KAFA di Malaysia, membangunkan model wakaf pendidikan KAFA secara maya khususnya di musim pandemik COVID-19, mengemukakan cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid serta langkah penyelesaian PdP KAFA dalam talian. Reka bentuk kajian adalah kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan yang merujuk sumber primer dan sekunder. Manakala analisis data pula dilakukan secara analisis dokumen. Sample kajian tertumpu kepada individu yang terlibat dengan KAFA di Malaysia pada musim pandemik COVID-19 dan memfokuskan pembinaan model wakaf pendidikan KAFA. Hasil dapatan kajian menunjukkan berlaku anjakan paradigma yang positif dalam penyediaan silibus KAFA secara maya dan terdapat usaha wakaf pendidikan KAFA oleh pihak kerajaan (*waqfirsod*) secara maya melalui program KAFA online yang disiarkan di rancangan TV al-Hijrah dengan kerjasama dari JAKIM. Ia juga diusahakan oleh individu-individu persendirian yang turut menyumbang bahan pengajaran di alam maya untuk dimanfaatkan bersama. Implikasinya, PdP melalui model pendidikan wakaf KAFA yang komprehensif boleh dilakukan secara berterusan walau tidak bersemuka dan memantapkan kefahaman agama Islam di peringkat asas secara mudah dan berkesan agar boleh dimanfaatkan generasi berikutnya.

Kata kunci : COVID-19, KAFA, model pendidikan wakaf, secara maya.

Abstract : The COVID-19 pandemic has changed all the educational landscape including Al-Quran and Fardu Ain (KAFA) class education. Prior to the pandemic classes were conducted face-to-face, but during the pandemic face-to-face learning has shifted to virtual learning (e-learning). The virtual teaching and learning techniques become more challenging when creativity and innovation are needed to deal with this situation in order to provide solutions to new norms. To meet the needs of digital learning, it will require certain technological tools such as personal computers, handphones, gadgets and so on. Such equipment is sometimes not capable of being

provided by parents and teachers. Furthermore an educational waqf is among the best solutions to solve this matter. The objectives of this study describe in general KAFA's educational background in Malaysia, develop a virtual KAFA education waqf model especially during the COVID-19 pandemic season, present the challenges faced by teachers and pupils as well as the online class KAFA solution measures. The design of the study is qualitative. Data collection is done through library studies that refer to primary and secondary sources. While data analysis is done through document analysis. The sample study focused on KAFA in Malaysia during the COVID-19 pandemic season and focused on building the KAFA education waqf model. The findings showed that there was a positive paradigm shift in the preparation of the KAFA syllabus virtually and there was an effort by the KAFA education waqf by the government (*waqf irsod*) virtually through the KAFA online programme which was broadcast on the al-Hijrah TV show in collaboration with JAKIM. It is also undertaken by private individuals who also contribute teaching materials in the virtual realm to be used together. As a result, teaching and learning through KAFA's comprehensive waqf education model can be done continuously even if not face-to-face and strengthen the understanding of Islam at the basic level in an easy and effective manner so that it can be used by the next generation.

Keywords : COVID-19, KAFA, model education of waqf, online.

Pendahuluan

Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) peringkat sekolah rendah merupakan tuntutan agama dalam kerangka pembentukan para pelajar Islam selaras kehendak al-Quran dan al-Sunnah (JAKIM, 2006). Penguatan asas pengajian Islam penting bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia, beramal soleh dan bertakwa (Abidin et al., 2017) dalam mendepani cabaran semasa. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda mencetuskan keadaan cemas dan menggusarkan di seluruh dunia telah memberi impak yang mendalam terhadap tahap pendidikan rakyat di Malaysia (Adnan & Adnan, 2020) termasuklah Pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Pandemik yang melanda telah mengubah landskap pendidikan negara kita ke arah pembelajaran secara maya (*e-learning*) melalui pendekatan *Home Based Learning* (HBL) (Azizan & Nasri, 2020).

Walau bagaimanapun, isu mula timbul apabila pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh pelajar, ibu bapa, para guru dan juga pihak pentadbir yang sentiasa perlu peka dan bersedia dari sudut kewangan, fizikal, mental dan spiritual dalam mendepani perubahan arus pendidikan. Antara cabaran terbesar ialah kesukaran bagi pelajar dan ibu bapa kerana ketiadaan peranti dan akses internet ketika pembelajaran atas talian yang dijalankan serta kekurangan kemahiran guru dalam menggunakan teknologi digital (Azizan & Nasri, 2020). Menurut Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching dalam perbahasan di Dewan Rakyat telah membangkitkan kekusaran di mana

hampir 37 peratus pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai sebarang peranti semasa sesi pembelajaran dalam talian. Angka ini menunjukkan sebanyak 1.7 juta murid tidak mempunyai sama ada telefon pintar, tablet, atau Komputer riba yang menjadi peralatan asas semasa belajar dalam talian (Berita Harian, 2020). Isu ini semakin parah apabila Ahmad Johnie Zawawi, Ahli Parlimen Igan menjelaskan selain daripada ketiadaan peranti, isu capaian internet juga harus diberi perhatian terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi menjamin keberkesanan dan kelangsungan pendidikan secara maya yang berterusan. Dianggarkan lebih 40 peratus bersamaan 1.8 juta murid di Malaysia tidak mempunyai akses internet (Mahfuz & Azmi, 2021). Manakala lebih daripada 50 peratus murid di Sabah dan Sarawak dilaporkan tiada akses internet dan peranti untuk meneruskan pembelajaran dalam talian sekaligus menjadikan isu jurang digital di sana lebih teruk (Sinar Harian, 2020). Bekas Menteri Pendidikan, Maszlee Malik berkata situasi ini boleh mengakibatkan hampir 4.7 juta murid tidak dapat bersekolah serta murid yang dikategorikan sebagai miskin digital bakal tercicir dalam pengajian mereka (Mahfuz & Azmi, 2021).

Bagi mengekang masalah ini, wakaf dilihat sebagai salah satu jalan keluar terbaik yang boleh dipraktikkan dalam masyarakat. Wakaf merupakan amalan yang sangat dituntut dan telah lama dipraktikkan oleh umat Islam terdahulu. Amalan berwakaf membenarkan seseorang atau organisasi untuk menyumbangkan aset sama ada berbentuk harta alih atau harta tak alih dalam jangka masa yang tidak terhad .

Amalan berwakaf menjadi satu inisiatif bagi aktiviti kebajikan dalam komuniti Muslim dan mampu memberikan sokongan ekonomi kepada individu dan institusi. Kesannya, harta wakaf menjadi harta benda awam yang dilaburkan dengan mempunyai ciri-ciri kekal iaitu ia tidak dapat dijual, digadaikan dan diwarisi (Usman & Rahman, 2020). Dalam bidang pendidikan, amalan wakaf yang biasa dilaksanakan ialah melalui wakaf al-Quran dan wakaf buku bagi golongan yang memerlukan. Selari dengan perkembangan pendidikan Alaf 21 yang menentang teknologi dan ditambah dengan wakaf pandemik mendorong aktiviti pembelajaran termasuklah Pendidikan KAFA dilaksanakan melalui atas talian, wakaf alat peranti digital, wakaf kemudahan pelan mudah alih atau wifi, wakaf kemahiran teknologi serta wakaf bahan bantu mengajar merupakan satu inisiatif yang sangat baik untuk dilaksanakan.

Justeru, kajian ini ingin membina model pendidikan KAFA secara maya yang sesuai dalam membantu mengurangkan bebanan murid, ibubapa dan guru seterusnya menjayakan pendidikan secara maya. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada buku, jurnal, website dan akhbar dengan menggunakan pengkalan *Google Scholar*, *Emerald Insight* serta *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Pengenalan Wakaf

Wakaf merupakan perkataan Arab *waqf*, iaitu kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *waqafa* dan memberi makna menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'*) (Hashim et. al., 2018). Ulama' berbeza pandangan terhadap wakaf dari sudut istilah syarak. Di sisi Imam Abu Hanifah, wakaf diertikan sebagai menahan sesuatu harta atau aset daripada pemilikan pemilik asal (pewakaf) dan diberikan manfaat untuk kegunaan penerima wakaf dengan tujuan kebajikan (Zuhayli, 2002). Malikiyyah pula berpandangan wakaf ialah menyerahkan manfaat sesuatu harta kepada orang tertentu dengan *sighah* dan tempoh tertentu yang telah ditetapkan oleh pewakaf (Zuhayli, 2002). Jumhur ulama' termasuk Shafi'yyah dan Hanabilah menggambarkan wakaf sebagai satu perbuatan menahan pemilikan harta atau aset yang boleh dimanfaatkan secara berterusan serta mengekalkan 'ain fizikal harta tersebut kepada sesuatu kegunaan yang diharuskan (Al-Sharbini, 2006; Rahman, 2021). Yang dimaksudkan dengan menahan harta ialah larangan menjual, mewariskan atau memberikan (*hibah*) harta tersebut kepada orang lain (al-Syawkāni, 1993).

Wakaf boleh dikategorikan kepada empat aspek utama, iaitu; penerima manfaat wakaf, tujuan wakaf, jenis aset wakaf (Ramli & Jalil, 2017) dan tempoh masa wakaf (Ramli, 2019). Melalui kategori pertama iaitu aspek

penerima manfaat wakaf, ianya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu wakaf untuk kebajikan umum (*waqf khayri*) dan wakaf khusus untuk ahli keluarga (*waqf ahli/dhurri*). *Waqf ahli/dhurri* ialah pemberian manfaat aset wakaf untuk digunakan hanya kepada ahli keluarga dan keturunan pewakaf sahaja. Aspek kedua ialah aspek tujuan wakaf juga terbahagi kepada kepada dua jenis iaitu wakaf umum atau am (*waqf 'am*) dan wakaf khusus (wakaf khas). Kategori ketiga yang merujuk kepada jenis aset-aset wakaf ianya boleh dikategorikan kepada aset wakaf tak alih (*waqf al-'aqar*) dan aset wakaf alih (wakaf al-manqul). *Waqf al-'aqar* bermaksud wakaf jenis harta yang tidak boleh bergerak mahupun dipindahkan seperti tanah mahupun bangunan. *Waqf al-manqul* merujuk kepada aset-aset wakaf yang boleh bergerak dan dipindahkan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain seperti kereta, buku dan wang tunai. Kategori keempat ialah tempoh masa wakaf boleh dibahagikan kepada dua iaitu wakaf tetap atau selamanya (*waqf muabbad*) dan wakaf bertempoh (*waqf muaqqat*). Majoriti ulama' berpendapat bahawa sesuatu wakaf mestilah bersifat berpanjangan dan tidak terikat kepada tempoh tertentu. Namun, berbeza dengan ulama Mazhab Maliki yang menyatakan wakaf boleh dihadkan dengan sesuatu tempoh seperti mewakafkan rumah selama setahun dan setelah sampai tempoh yang ditetapkan, rumah tersebut dipulangkan semula kepada pewakaf (Zuhayli, 2002). Terdapat juga pengkelasan wakaf yang dibuat oleh pemerintah dikenali sebagai wakaf irsad iaitu pemberian harta untuk tujuan kebajikan masyarakat umum oleh pihak pemerintah seperti penganugerahan tanah bagi tujuan pembinaan hospital dan sekolah (Bhari et al., 2016).

Seiring perkembangan semasa, wakaf juga berkembang dalam beberapa bentuk kontemporari dan mula dikaji dan dipromosikan. Antara praktik semasa di Malaysia ialah wakaf tunai (Rahman, 2021), wakaf harta alih, wakaf saham, wakaf korporat (Ramli & Jalil, 2017), wakaf air (Purwaningsih & Susilowati, 2020), wakaf kesihatan (Rahman et al., 2020), wakaf hartanah, wakaf bahan binaan dan wakaf pendidikan (Hashim et al., 2018). Pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia bermula pada akhir abad ke-19 M dan awal abad ke-20 M dengan penubuhan institusi pendidikan keagamaan seperti sekolah pondok di Pattani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Seberang Prai dan lain-lain (Mohd Taib et al., 2017). Kini wakaf Pendidikan telah berkembang dengan dengan penubuhan wakaf ma'ahad tahfiz seterusnya wakaf sekolah agama rakyat dan akhirnya wakaf Pendidikan tinggi. Sekolah agama rakyat merupakan sebuah institusi yang mengajarkan pendidikan KAFA (Siren, et. at., 2018). Ismail (2013) menjelaskan bahawa wakaf sekolah agama rakyat yang pertama dilakukan ialah Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Kini antara usaha membangun serta melestarikan kewujudan dan manfaat

SAR ialah melalui pelaksanaan konsep ijarah terhadap wakaf pendidikan yang dimiliki terutamanya tanah dan bangunan (Ayub, et. al., 2020).

Wakaf merupakan satu solusi bagi membantu penjaan pendapatan yang boleh dilakukan oleh institusi pendidikan dan manfaatnya yang boleh digunakan bagi tujuan peningkatan dan kemajuan pendidikan negara (Ali & Wahid, 2014) seperti menambah baik fasiliti dan infrastruktur, membiayai pembinaan bangunan akademik, membiayai kos operasi, pemberian biasiswa kepada pelajar dan sebagainya (Hashim et al., 2018). Justeru, seiring dengan perkembangan pendidikan Alaf 21 yang menentang teknologi dan ditambah dengan wabak pandemik mendorong aktiviti pembelajaran termasuklah pendidikan KAFA untuk dilaksanakan melalui atas talian, wakaf alat peranti digital, wakaf kemudahan pelan mudah alih atau wifi, wakaf kemahiran teknologi serta wakaf bahan bantu mengajar merupakan satu inisiatif yang sangat baik untuk dilaksanakan.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data kajian diperolehi melalui kajian perpustakaan yang merujuk sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri dari manual panduan pengajaran dan pembelajaran KAFA dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang COVID-19. Manakala sumber sekunder pula merujuk penulisan artikel jurnal, buku akademik dan tesis. Kaedah analisis data terhadap kajian ini dilakukan secara analisis dokumen. Sample kajian tertumpu KAFA di Malaysia di musim pandemik COVID-19 dan limitasi kajian memfokuskan pembinaan model wakaf pendidikan KAFA secara maya.

Keputusan & Perbincangan

Al-Quran dan Fardu Ain merupakan sebahagian daripada ilmu asas dalam pengajian Islam. Ilmu ini telah lama dipelajari oleh umat di Malaysia selari dengan perkembangan Islam di rantau ini. Sebelum merdeka, pelaksanaan pengajaran pendidikan Islam telah bermula sekitar abad ke-14 lagi iaitu apabila Islam mula bertapak di Melaka. Namun sistem pendidikan Islam yang diaplikasikan hanyalah secara tidak formal. Malah belum terdapat sebarang peruntukan dalam undang-undang yang mewajibkan pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak Islam (Diah, 1989). Selaras dengan perkembangan Islam di Alam Melayu. Pengajaran ilmu-ilmu asas agama Islam berlaku di pusat-pusat pengajian terutamanya di pondok, masjid madrasah dan sebagainya. Dengan menggunakan kitab-kitab jawi, karangan ulama' setempat dan Nusantara, pengajaran agama Islam ini berlaku secara tidak formal dan perkembangannya semakin meluas sehingga abad ke 19. Bermula pada tahun 1960,

pelaksanaan undang-undang pendidikan mula dilaksanakan oleh kerajaan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Berdasarkan hasil laporan tersebut, akta kewajipan memberikan pendidikan agama Islam kepada murid-murid agama Islam di setiap sekolah yang murid-murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih telah dikuatkuasakan oleh kerajaan. Segala perbelanjaan berkaitan pengajaran agama Islam ditanggung oleh Kementerian Pelajaran. Perkara ini diperincikan di dalam syor Penyata Rahman Talib perkara berkaitan perbelanjaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Pada tahun 1980, satu kajian telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang diselaraskan oleh Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan mendapati terdapat ramai kanak-kanak Islam tidak boleh membaca Al-Quran dengan baik dan tidak beramal dengan perkara asas Fardhu Ain. Bermula pada tahun 1988, Bahagian Hal Ehwal Islam atau JAKIM yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengusulkan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bagi mengekang masalah buta huruf dalam kalangan kanak-kanak dan remaja Islam di negara ini. Pada 17 Januari 1989, Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam bersetuju mengadakan kelas KAFA di seluruh negara bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun sehingga 12 tahun. Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 13 September 1989 telah meluluskan pelaksanaan program KAFA. Akhirnya, pada permulaan tahun 1990, Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui institusi JAKIM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan kerajaan negeri. Program KAFA bertujuan memperkukuh murid Islam agar boleh membaca al-Quran dengan baik serta membentuk kemenjadian murid yang cemerlang bukan sahaja di dunia tapi juga di akhirat (Bakar & Noh, 2019).

Pelaksanaan kelas KAFA merupakan satu langkah berterusan bagi mendidik dan membentuk murid-murid Islam dalam memperkembangkan fitrah Insan yang selari dengan tuntutan Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini dilaksanakan agar manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan Al-Sunnah serta kuat iman dan amalannya kepada Allah seterusnya menghayati akhlak dan cara hidup Islam dapat dilahirkan. Kelas pengajian KAFA menerapkan pengukuhan asas Pendidikan Islam iaitu dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardu Ain. Objektif penubuhan KAFA adalah untuk:

- a) Melahirkan suatu sistem kelas untuk pengajian Al-Quran dan Fardu Ain yang tersusun, seragam dan bersepadu di seluruh Malaysia.
- b) Memastikan bacaan Al-Quran boleh dipelajari dan dikuasai dengan baik oleh semua kanak-kanak Islam

- yang berusia antara tujuh hingga dua belas tahun di negara ini.
- c) Memastikan perkara-perkara asas fardhu ain dapat dipelajari dan diamalkan oleh semua kanak-kanak Islam di negara ini.
 - d) Memperkukuh asas pendidikan agama Islam Islam terutamanya pendidikan Al-Quran dan Fardu Ain dalam kalangan kanak-kanak. (JAKIM, 2016)

Pengurusan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa)

Terdapat perbezaan dalam pelaksanaan kurikulum Kelas Kafa berbanding pelaksanaan pendidikan di sekolah kebangsaan di arus perdana. Minima masa yang diperuntukkan adalah selama 360 minit seminggu berbanding dengan masa 240 minit seminggu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah KSSR. Pelaksanaan Kafa dilakukan di pelbagai tempat termasuklah Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, masjid, surau, dewan orang ramai atau balai raya, rumah persendirian dan bangunan Kafa sendiri. Pada tahun 2018, jumlah murid Kafa adalah sebanyak 973,555 orang, manakala guru Kafa pula seramai 31,460 dan bertugas di 5,609 premis yang beroperasi sebagai kelas Kafa di Malaysia. Dari sudut hari pengajaran dan pembelajaran kelas Kafa, terdapat perbezaan antara negeri-negeri. Sebagai contoh, kelas Kafa di negeri Kelantan hanya untuk tahun dua hingga lima sahaja manakala di Kedah dan Pahang kelas Kafa adalah bagi tahun satu hingga tahun lima sahaja. Manakala pelaksanaan Kafa di negeri-negeri lain pula adalah bagi tahun satu hingga tahun enam (Shafie & Talib, 2018). Walaupun pelaksanaan kelas Kafa mempunyai kaedah yang pelbagai, secara umumnya, pengurusan kelas Kafa di Malaysia diuruskan oleh beberapa agensi termasuklah agensi kerajaan pusat, agensi kerajaan negeri, sekolah agama rakyat dan sekolah agama swasta.

Agensi Kerajaan Pusat

Agensi utama yang menguruskan pelaksanaan Kafa ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. JAKIM bertanggungjawab mengendalikan kelas Kafa serta menjadi agensi penyelaras bagi pelaksanaan Kafa oleh agensi-agensi lain. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh JAKIM, terdapat sebanyak 5,057 sekolah Kafa yang telah didaftarkan dengan bilangan muridnya seramai 525832 orang. (<https://simpeni.islam.gov.my>)

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut bertanggungjawab melaksanakan kelas Kafa. Disebabkan pelaksanaan Kafa tidak seragam, dinegeri-negeri tertentu seperti Terengganu dan Kelantan, pelaksanaan Kafa dibuat di Sekolah Kebangsaan pada

waktu petang dengan menggunakan prasarana Kementerian Pendidikan termasuklah bangunan sekolah dan peralatan yang diperlukan. Bagi memperkasakan Pendidikan Islam, bahasa Arab, Institusi pendidikan Agama dan Dakwah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Bahagian Pendidikan Islam (BPI). Salah satu fungsi utama BPI yang berkaitan dengan Kafa ialah merancang, menyelaraskan, mengurus dan menilai bantuan perolehan program Pendidikan Islam dan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan SAR Kafa.

Agensi kerajaan Negeri

Di peringkat kerajaan negeri, pelaksanaan Kafa biasanya diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Terdapat sekolah-sekolah yang dibenarkan kategori sekolah yang menawarkan pendidikan Kafa antaranya sekolah yang diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Agama Negeri. Contohnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menubuhkan Sekolah Rendah Agama (SRA) yang bertujuan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kafa. Sesetengah Jabatan Agama Negeri turut menggubal sukatan pelajaran tersendiri bagi melaksanakan pengajaran Kafa.

Agensi-Agensi lain

Selari dengan peningkatan bilangan sekolah Kafa di bawah Jabatan Agama Negeri, terdapat juga organisasi-organisasi persendirian dan swasta yang menawarkan pendidikan Islam untuk sekolah rendah. Sekolah-sekolah ini sebagai Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Integrasi (SRI). Mengambil contoh di Selangor, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Pelan

Induk Pendidikan Islam Negeri Selangor, terdapat 26 7 buah SRA dan SRI di Selangor dengan jumlah gurunya sekitar 4005 orang dengan purata 10-40 orang guru untuk setiap sekolah. (Ali et.al., 2017).

Terdapat beberapa perbezaan yang boleh dilihat di antara Kafa dan SRI dari segi pengoperasian. Kafa beroperasi dalam tempoh 4 jam sehari. 4 jam tersebut disusun pada sebelah sesi pagi untuk pelajar yang bersekolah kebangsaan pada sesi petang. Manakala Kafa sesi petang dikhususkan untuk pelajar yang bersekolah kebangsaan pada sesi pagi. Manakala pengoperasian SRI adalah sepanjang hari daripada pukul 8 pagi ke 5 petang.

Selain itu, sekolah Kafa kebanyakannya berada di dalam kawasan surau atau masjid dalam lokaliti atau kawasan tertentu. SRI secara

rawak mempunyai bangunan yang tersendiri. Dalam aspek pembelajaran, KAFA menjurus kepada ilmu asas Islam seperti Tauhid, Fekah, Akhlak, Sirah, Tajwid, Jawi dan Bahasa Arab. Berbeza dengan murid-murid di SRI, mereka juga mempunyai mata pelajaran akademik seperti di Sekolah Kebangsaan. Dalam masa yang sama, turut mempelajari subjek asas Islam seperti di KAFA. Silibus akademik adalah seperti aliran perdana di Sekolah Kebangsaan dan layak mengambil peperiksaan utama seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) (Ali et.al., 2017).

Pendidikan Secara Maya di Malaysia

Penularan wabak COVID-19 menjadikan pelbagai perkara dalam rutin umum masyarakat menjadi berubah. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan oleh kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan PKP Fasa 1 sehingga PKP Fasa 3. Kerjasama daripada pelbagai pihak sangat penting menyokong usaha kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19.

Sepanjang tempoh PKP dijalankan, pengoperasian pelbagai institusi adalah tidak dibenarkan merangkumi perkhidmatan pendidikan di semua peringkat institusi termasuk KAFA. Perubahan yang mendadak memerlukan persediaan bagi menghadapi normal baharu dan menangani perubahan yang berlaku secara berkesan. Paradigma baharu untuk dunia pendidikan abad ke-21 termasuk KAFA agar lebih bersedia dengan kemahiran pembelajaran yang disokong oleh teknologi bagi mempersiapkan guru dan murid kepada persekitaran globalisasi yang memerlukan pemikiran yang kritis, bersedia mencari, mengakses, menganalisis maklumat dan membuat keputusan.

Interaksi sosial masyarakat juga mengalami fasa transformasi berasaskan paksi digital daripada berasaskan interaksi bersemuka manusia dengan manusia, kepada interaksi mesin dengan mesin. Tambahan pula, pelaksanaan PKP yang memerlukan semua sekolah ditutup memerlukan pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru menstrukturkan semula proses pengajaran dan pembelajaran kepada pembelajaran berteknologi digital (Bahtiar, 2020).

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menuntut dunia pendidikan sentiasa memperbaharui kemahiran teknologi dari semasa ke semasa seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4). Pelbagai bentuk perbincangan boleh dilihat dalam media sosial antaranya melalui platform *Whatsapp* dan *Telegram* yang digunakan secara meluas dalam pembelajaran dan pengajaran pada

musim PKP. Selain itu, aplikasi lain seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Skype*, *Webex*, *Zoom*, *Video Conferencing* juga aktif digunakan sebagai alternatif.

Sehubungan itu, pelaksanaan pendidikan KAFA dalam fasa PKP perlu beroperasi dengan kaedah dan medium yang berbeza. Hal ini adalah bagi memastikan matlamat dan agenda KAFA dapat dilestarikan walau dalam apa jua situasi seiring dengan zaman digitalisasi. Selain itu, kompetensi semua pihak dalam pengaplikasian teknologi terkini termasuk persediaan infrastruktur yang mencukupi juga perlu diberi perhatian agar mewujudkan komunikasi pembelajaran dan pengajaran yang lebih efektif secara maya (Bahtiar et. al., 2020).

Pendigitalan pendidikan mula hangat diperkatakan di kebanyakan negara dalam usaha menangani cabaran pandemik COVID-19 termasuk Malaysia. Justeru pengurusan di peringkat KAFA turut mengikuti arus perubahan menggunakan teknik pembelajaran secara maya yang lebih dinamik.

KAFA mula melaksanakan pembelajaran dan latihan secara dalam talian. Pengurusan dan pentadbiran KAFA juga kebanyakannya dilakukan dari rumah. Pengubahsuaian modul pembelajaran turut dilakukan mengikut kesesuaian perubahan penyampaian.

Aspek kreativiti dan inovasi sangat diperlukan untuk berhadapan dengan situasi krisis ini agar mampu memberikan penyelesaian kepada fenomena yang baharu. Guru-guru telah diminta menyediakan bahan pembelajaran atas talian di samping aplikasi pembelajaran sedia ada. Penggunaan *Google Classroom*, *Google Meet*, *Whatsapp* dan *Telegram* dipergiatkan dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kelas.

Platform tersebut merupakan satu jalan keluar bagi meneruskan proses pembelajaran dan pengajaran itu berlangsung walau para pelajar dan guru berada di kediaman masing-masing atas peraturan PKP. Walaupun penggunaan medium ini berhadapan dengan kesukaran dan masalah untuk diaplikasikan namun kemunculannya dilihat suatu momentum yang positif dalam dunia pendidikan. Tambahan pula, sokongan daripada syarikat telekomunikasi menyokong aktiviti pendidikan secara dalam talian dengan memberikan satu *Gigabyte* percuma setiap hari kepada pelanggan turut mewarnai situasi pandemik.

Secara umumnya, pengajaran dan pembelajaran secara maya dapat dijalankan dengan lebih baik sepanjang PKP sekiranya semua pihak samada pentadbiran KAFA, guru-guru dan murid-murid dapat memanfaatkan aplikasi pembelajaran yang sedia ada. Sokongan dan pemantauan

ibu bapa pada masa PKP amat diperlukan bagi menyokong pembelajaran anak-anak.

Setiap pihak memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pembelajaran anak-anak berlaku secara berterusan walau berhadapan dengan situasi di luar jangkaan seperti pandemik COVID-19. Tahap kesediaan dan kepekaan yang tinggi terhadap perubahan persekitaran dunia dan Malaysia perlu dititikberatkan. Dugaan dan cabaran dunia pendidikan datang silih berganti.

Oleh itu, persediaan yang mantap perlu dilakukan di peringkat pentadbiran KAFA, termasuk guru-guru dan ibubapa. Kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak amat diperlukan. Seterusnya, aspek berkaitan dengan pengurusan risiko juga perlu diterapkan dengan berkesan agar kesediaan dan tindakannya di semua peringkat terutamanya KAFA agar lebih efektif.

Model Wakaf Pendidikan Kafa Secara Maya

Wakaf institusi pendidikan bermaksud pusat yang dibina, ditubuhkan, dan diurus menggunakan harta yang diwakafkan bagi tujuan pendidikan. Gagasan idea telah diasaskan sendiri oleh Rasulullah SAW menerusi pembinaan Masjid Quba' sewaktu di Madinah. Masjid sebagai pusat aktiviti umat Islam. Konsep dan pelaksanaan wakaf yang bermula di institusi masjid ini telah berkembang menerusi penubuhan institusi-institusi pendidikan.

Di zaman Khalifah Umar al-Khattab, institusi pendidikan wakaf pra-sekolah yang dikenali sebagai Kuttab telah diperkenalkan. Kuttab menjadi pusat pendidikan awal untuk belajar menulis dan membaca, baik di masjid atau lainnya. Anak bagi golongan miskin yang disebut *Kuttab Sabil* mendapat pendidikan secara percuma. Ketika zaman pemerintahan Abbasiyah, Kota Baghdad telah menjadi pusat kegiatan intelektual dengan penubuhan *Bayt al-Hikmah* oleh Khalifah Harun al-Rasyid sebagai Pusat Penterjemahan Karya Yunani dan Parsi ke dalam bahasa Arab.

Manakala pada zaman pemerintahan Islam di Andalusia, Universiti Cordova telah menjadi pusat pendidikan terbesar di dunia dengan penawaran pelbagai kursus dan terbuka. Kursus tersebut ditawarkan untuk pelajar muslim dan bukan muslim yang dibiayai sepenuhnya. Selain itu, terdapat Universiti Granada atau Madrasah al-Nasriyyah yang menawarkan kursus dalam bidang undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi. Kos pembinaannya telah dibiayai oleh Khalifah Abdul Rahman III di samping bantuan dana

awam menerusi sumbangan wakaf (Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan, 2018).

Selain itu, terdapat Madrasah al-Nasriyyah atau Universiti Granada yang menawarkan kursus dalam bidang undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi. Begitu juga dalam konteks di Nusantara di mana wakaf institusi pendidikan di Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand dan Selatan Filipina. Di antara model pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan terkenal luar negara termasuklah Universiti al-Qarawiyyin, Maghribi; Universiti al-Azhar, Mesir; Universiti Cordova, Andalus; Bayt al-Hikmah, Baghdad (975M); Madrasah Nizamiyyah, Baghdad (1065M); Universiti Fatih Sultan Mehmet, Turki (1470M); Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia (1912M); Madrasah al-Junied, Singapura (1927); dan banyak lagi (Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan, 2018)

Dana wakaf diterima dalam pelbagai bentuk seperti wang tunai, sumbangan aset, saham dan aset-aset kewangan. Sumber wakaf terdiri dari dalam negara dan luar negara digunakan untuk membiayai biasiswa, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan. Berbantuan pembiayaan melalui institusi wakaf, ia sekaligus dapat membantu mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan pelajar disebabkan oleh faktor kemiskinan.

Secara umumnya, pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia terdiri daripada dua model. Pertama, wakaf dalam bentuk keseluruhan fizikal institusi pendidikan samada sektor awam atau swasta seperti pondok, sekolah agama, tahfiz atau universiti yang melibatkan binaan bangunan pengajian termasuk asrama. Manakala kedua, wakaf dalam sebahagian komponen aktiviti.

Model yang pertama digunakan untuk menubuhkan institusi pendidikan dan seterusnya pengurusan institusi juga adalah menggunakan wakaf. Manakala model yang kedua pula diaplikasikan oleh institusi yang sudah sedia tertubuh mahupun institusi yang menggunakan model wakaf sebagai satu komponen dalam pengurusan aktiviti institusi pendidikan. Antara model wakaf pendidikan yang telah berjaya pelaksanaannya di peringkat pengajian tinggi seperti Endowment Fund Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM), Dana Wakaf Ilmu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Hashim, 2018).

Pembelajaran KAFA di TV al-Hijrah

Kini, prosedur wakaf boleh dijalankan secara maya dan digital seiring dengan kecanggihan teknologi yang begitu pantas berdasarkan perubahan arus pemodenan. Terdapat pelbagai model wakaf yang berorientasikan pendidikan Islam boleh dicontohi. Di Malaysia, julung-julung kalinya pembelajaran KAFA secara maya boleh diikuti di TV al-Hijrah untuk semua peringkat kelas dari tahun satu sehingga enam. Program tersebut dilancarkan pada 1 Februari 2021 bersempena musim pandemik COVID-19. Jalinan usaha kerjasama ini dilakukan oleh JAKIM dan TV al-Hijrah.



Rajah 1: Program pembelajaran KAFA secara maya anjuran TV al-Hijrah

Menurut pernyataan di laman web rasmi TV al-Hijrah, program KAFA d'Hijrah berlangsung siarannya bermula pada setiap hari Isnin hingga Sabtu pada jam 4.30 petang dan ulangannya pada jam 11.30 pagi serta 6.30 petang. Berikut adalah susun atur program yang dirancang dan dimulakan dengan minggu pertama pada bulan Februari 2021 iaitu pembelajaran bab 1 mata pelajaran Al-Quran yang disasarkan kepada murid tahun satu hingga enam. Seterusnya diikuti oleh mata pelajaran Ibadah pada minggu kedua, mata pelajaran Sirah pada minggu ketiga dan mata pelajaran Jawi dan Khat pada minggu terakhir Februari. Manakala mata pelajaran Bahasa Arab pula disiarkan pada minggu pertama bulan Mac dan diikuti dengan subjek Akidah pada minggu kedua bulan Mac sehingga selesai pembelajaran untuk bab 1. Minggu seterusnya, siaran siri pembelajaran disambung pula dengan kandungan silibus KAFA untuk bab 2 sehingga selesai keseluruhan silibus yang ditetapkan. (al-hijrah). Model Pendidikan KAFA secara maya ini boleh diperluaskan lagi dalam bentuk yang lebih kreatif bersesuaian dengan era digitalisasi, dunia tanpa sempadan yang memaparkan pelbagai aplikasi apps yang boleh diupload oleh pengguna dan bermanfaat sebagai pengajaran dan pembelajaran KAFA secara maya. Pendidikan asas agama Islam melalui KAFA ini amat penting disebarluaskan secara maya agar tercapai matlamat untuk melahirkan masyarakat yang berilmu

pengetahuan agama serta membangunkan pembudayaan ilmu.

Cabaran Pendidikan Kafa Fasa Pandemik Covid-19

Pendidikan merupakan suatu proses aktiviti berterusan yang mengandungi unsur bimbingan, latihan dan pengajaran dengan tumpuan khusus kepada pemindahan pelbagai jenis bidang ilmu, seperti nilai agama, budaya dan kemahiran yang berguna dari satu generasi kepada generasi lain yang memerlukan pendidikan (Taib et al., 2017). Pendidikan KAFA menggariskan objektif penubuhan iaitu memastikan murid sekolah rendah dapat mengikuti pembelajaran agama secara berterusan (JAKIM, 2006). Penutupan sektor pendidikan fasa PKP memerlukan institusi pendidikan beroperasi dengan kaedah berbeza bagi memastikan kelangsungan pendidikan Dalam mendepani era pandemik COVID -19, institusi pendidikan termasuk program KAFA melalui fasa cabaran dan perubahan dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Cabaran merupakan halangan yang dihadapi oleh individu mahupun institusi dalam melaksanakan sesuatu tugas serta memastikan keberkesanan tugas tersebut. Perubahan yang drastik dan mendadak dilakukan bagi memastikan agenda pendidikan KAFA dapat dilestarikan dalam tempoh PKP (Bahtiar et al., 2020).

Meskipun perubahan berlaku, PdP kepada murid sebagai kumpulan sasaran perlu dilaksanakan. Hal ini bertujuan agar pendidikan tetap relevan dengan situasi semasa dan tidak mengikis matlamat utama pendidikan. Institusi pendidikan mula melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara maya. PdP dijalankan secara maya merupakan pendekatan kontra dengan pendekatan PdP bersemuka. Jika sebelum ini pembelajaran secara maya hanyalah sebagai pilihan, namun dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan. Bagi mendepani perkara ini, teknologi adalah satu penyelesaian baharu bagi mengimbangi keperluan fizikal dan kognitif murid KAFA. Secara tidak langsung, pengenalan PdP secara maya dapat memberikan penyelesaian untuk menghadapi norma baharu dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, menghadapi sesuatu perubahan adalah tidaklah mudah, malah melibatkan serta memberi kesan terhadap entiti yang berkait rapat khususnya seperti guru dan murid.

Cabaran Guru-Guru dalam Pengajaran KAFA Fasa Pandemik COVID-19

Secara umumnya, guru merupakan sumber utama dalam PdP. Terdapat beberapa aspek cabaran yang dihadapi oleh guru melibatkan tiga peringkat utama, iaitu cabaran guru di fasa persediaan, cabaran guru semasa fasa PdP, dan

cabaran guru fasa selepas PdP. Cabaran utama kepada guru yang dapat dikenalpasti ialah kesediaan guru untuk berubah. Guru tidak lagi boleh bertahan dengan PdP dengan pendekatan tradisional. Teknologi perlu menjadi sebahagian daripada proses serta menjadi alat bantu PdP kepada setiap peringkat umur, termasuk guru yang sudah berusia. Setelah guru mula bersedia untuk menyantuni murid melalui teknologi, cabaran guru dalam mendepani pembelajaran secara maya baru bermula. Guru harus terlebih dahulu menyediakan beberapa perkara seperti bahan bantu mengajar, ruang, dan alatan yang sesuai sebelum melaksanakan pembelajaran secara maya. Begitu juga dengan bahan digital atau kandungan pembelajaran yang ingin dikongsikan dengan murid. Fasa persediaan sebelum PdP menuntut masa guru untuk menyelesaikannya.

Seterusnya, guru perlu menentukan corak PdP Kafa secara maya sama ada secara pembelajaran segerak atau tidak segerak. Perbezaan ini corak PdP Kafa secara maya ini perlu difahami oleh guru agar dapat melaksanakannya secara inklusif untuk semua kumpulan murid. Pembelajaran segerak ialah PdP Kafa secara maya yang berlaku secara serentak antara dua pihak atau lebih dan pada waktu yang nyata, contohnya persidangan menggunakan video dan perbualan secara langsung. Kelebihan pemilihan medium untuk PdP menggunakan masa sebenar ialah murid dapat berinteraksi dan memberi maklum balas secara langsung kepada guru. Walaubagaimanapun, tidak semua murid dapat mengikuti PdP segerak. Hal ini perlu diambil kira kerana faktor limitasi alat peranti digital untuk kegunaan adik beradik yang lain. Sekali lagi, guru harus meneroka medium PdP yang tidak menggunakan masa sebenar seperti *Google Classroom* dan *Telegram* sebagai alternatif kepada murid. Murid dapat mengakses pembelajaran berdasarkan kesesuaian masa dan memberikan potensi penyelesaian bagi memenuhi pelbagai pola dan senario dalam setiap keluarga. Hal ini dapat disimpulkan bahawa PdP yang dijalankan oleh guru harus mengambilkira setiap latar belakang sosio-ekonomi murid dan tahap keupayaan pembelajaran mereka.

Penggunaan teknologi membantu guru untuk memaksimumkan konsep kuliah digital. Walaubagaimanapun, terdapat cabaran yang memungkinkan guru terlepas pandang, iaitu menggantikan bahan bantu mengajar untuk bertindak sebagai guru sepenuhnya. Guru terdedah untuk memindahkan keseluruhan slaid kepada video tanpa mengeluarkan suara dan wajah mereka secara langsung. Justeru, cabaran guru semakin bertambah kerana guru perlu menguasai aspek teknikal dalam PdP secara maya. Hal ini kerana keberkesanan PdP masih dipengaruhi elemen suara dan wajah guru yang mengajar. Semasa PdP berlangsung, guru tidak hanya memberi perhatian kepada silibus atau kandungan pengajaran guru. Sebaliknya,

cabaran turut dilihat dari aspek keperluan guru untuk memberi perhatian terhadap murid dan gangguan teknikal. Sedangkan guru tidak mendapat latihan yang mencukupi untuk bersedia beralih ke arah kaedah pengajaran secara digital.

Fasa selepas PdP turut memberi cabaran kepada guru dalam membuat refleksi. Refleksi dalam PdP adalah amat penting bagi guru. Refleksi membantu guru dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam pengajarannya. Di samping itu, kefahaman murid turut dapat diukur berdasarkan objektif yang telah digariskan. Namun begitu, refleksi sukar untuk dibuat dalam PdP secara maya. Oleh itu, cabaran kepada guru pada fasa selepas PdP untuk membuat evaluasi terhadap pengajaran dan penyampaian masing-masing.

Cabaran Murid-Murid Ketika Pembelajaran Kafa Fasa Pandemik COVID-19

Pembelajaran secara maya adalah pilihan terbaik untuk pembelajaran kerana kebanyakan murid berada di rumah masing-masing. Walaubagaimanapun, kebolehcapaian murid terhadap PdP yang dijalankan oleh guru menimbulkan persoalan. Hal ini melibatkan perkakasan teknikal digital seperti telefon bimbit dan komputer riba, serta rangkaian untuk mengakses maklumat. Sekiranya murid mempunyai kelengkapan yang bersesuaian, timbul cabaran lain dalam PdP secara maya iaitu kehadiran dan penyertaan murid terhadap PdP. Kehadiran murid dalam sesi PdP dapat dipersoalkan mengenai dua perkara; iaitu kehadiran fizikal murid, serta tahap perhatian murid.

Dalam PdP secara bersemuka, masalah dan cabaran murid terhadap program Kafa berlaku dalam masyarakat. Pendidikan Islam adalah mata pelajaran yang mendapat perhatian yang lebih dalam Pendidikan Kebangsaan menerusi kurikulum sekolah rendah pada tahun 1980-an setelah kemerdekaan. Walau bagaimanapun, terdapat murid yang masih tidak mampu menguasai kemahiran asas seperti bacaan al-Quran dengan bertajwid, hafazan surah lazim untuk dibaca semasa solat, amali solat, celik jawi, dan sebagainya (Hashim et al., 2017). Masalah segelintir murid kurang berminat untuk dalam menghadiri kelas dapat dikesan, selain daripada masalah ponteng, serta murid kepenatan untuk mengikuti kelas Kafa (Zainol et al., 2017). Hal ini merupakan cabaran dan masalah tersebut pasti tidak selesai dengan PdP secara maya.

PdP secara maya merupakan pendekatan berpusatkan murid. Berdasarkan kajian Zainol et al., (2017), murid berpendapat subjek yang dipelajari dalam silibus Kafa adalah sukar untuk difahami. Apabila PdP secara maya dijalankan, situasi ini menjadikan murid perlu lebih aktif dan berdiskusi dalam mendapatkan pengetahuan. Oleh itu, usaha sendiri murid amat

diperlukan seperti mewujudkan kumpulan belajar berkumpulan bagi membolehkan diskusi sesama mereka. Walaubagaimanapun, hal ini menjadi cabaran kepada murid KAFA yang hanya berada di peringkat asas dalam pendidikan agama. Murid masih memerlukan guru untuk bimbingan dan kesahan terhadap sesuatu ilmu yang diterima.

Langkah Penyelesaian Pendidikan Kafa Fasa Pandemik Covid-19

Selari dengan perkembangan norma baharu dunia semenjak teretusnya Pandemik COVID-19, pembelajaran secara maya di seluruh dunia menjadi satu keperluan, begitu juga dalam konteks pendidikan KAFA di Malaysia. Berdasarkan cabaran-cabaran yang telah dibincangkan, maka beberapa langkah disarankan dalam usaha melaksanakan model wakaf pendidikan KAFA secara maya. Langkah-langkah yang boleh diusahakan bagi menangani cabaran ini dapat dibahagikan kepada beberapa pihak utama iaitu pihak kerajaan, guru, ibu bapa dan juga murid.

1. Peranan Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah banyak mengemukakan pelbagai inisiatif, khususnya pembelajaran dalam talian bagi meletakkan sistem pendidikan negara setanding negara maju. Hal ini telah disebutkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan menjadikan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa serta memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh JAKIM ialah memperkukuhkan pelan tersebut dalam pendidikan KAFA secara maya dengan mewujudkan satu dasar pembelajaran dalam talian yang jelas bagi memastikan setiap pihak memainkan peranan masing-masing untuk memastikan matlamat ini tercapai. Dalam masa yang sama, kurikulum KAFA yang dibina juga hendaklah disesuaikan dengan pembelajaran dalam talian, termasuk berpusatkan murid dengan mengambil kira kandungan pelajaran, pendekatan pembelajaran dan kaedah penilaian yang berbeza daripada kaedah konvensional. JAKIM juga boleh menerapkan latihan kepada guru-guru KAFA bertujuan mempertingkatkan kemahiran guru menghasilkan bahan pengajaran digital, dan penekanan juga diberikan kepada latihan kemahiran, bagaimana mengendalikan pengajaran dalam talian yang berbeza dengan pengajaran di bilik darjah dalam situasi yang terpisah di antara guru dan murid.

2. Peranan guru

Terdapat segelintir guru yang memerlukan bimbingan untuk melaksanakan pengajaran maya dan rakan guru berkemahiran berperanan sebagai jurulatih agar dapat membantu sebahagian guru yang lain. Kebanyakan murid generasi kini sudah biasa dengan peralatan mudah alih dan internet bukan sesuatu yang baharu, mereka sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi dalam talian yang lebih interaktif. Oleh itu, ini menjadi satu cabaran kepada guru agar dapat menghasilkan bahan pembelajaran maya yang lebih menarik, sama ada dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya. Kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dibahagikan secara spesifik bagi memudahkan murid memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka. Aktiviti permainan dalam talian juga dapat meningkatkan tumpuan murid dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh murid boleh meningkatkan motivasi untuk belajar. Guru juga boleh menyediakan rakaman pengajaran yang dilaksanakan secara *sinkronus* bagi mengelak murid tercicir. Manakala bagi murid yang tidak berkemampuan serta tiada akses internet, guru sewajarnya memikirkan kaedah alternatif yang bersesuaian bagi membantu murid tersebut mengikuti pembelajaran. Guru perlu menetapkan kaedah terbaik yang lebih sesuai untuk diguna pakai dalam memastikan proses pembelajaran maya dapat diteruskan dan hasil dicapai dengan baik oleh golongan sasaran. Guru perlu sentiasa meneroka ilmu dan belajar kemahiran baharu sama ada dari segi peralatan yang digunakan ataupun perisian yang bersesuaian agar penyediaan bahan bantu mengajar dapat dihasilkan dengan baik. Pada masa yang sama, guru hendaklah kreatif dan inovatif dalam mengendalikan platform pengajaran dalam talian agar dapat menarik minat murid dan menjadikan mereka terus bermotivasi untuk terus belajar.

Guru perlu memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai melalui aktiviti dan aplikasi maya. Hasil pembelajaran adalah merujuk kepada dapatan yang diperoleh oleh seseorang murid pada penghujung sesuatu pembelajaran atau topik yang diajar. Ia diukur dari segi kognitif (intelekt), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap) seseorang murid dalam pelbagai bentuk penilaian, sama ada formatif atau sumatif. Oleh yang demikian, adalah amat penting untuk para guru menghasilkan reka bentuk aktiviti pembelajaran maya yang praktikal dan bermakna bagi murid mencapai hasil pembelajaran sesuatu mata pelajaran atau topik. Hasil pembelajaran dan *Bloom's Taxonomy* memang tidak dapat dipisahkan dalam dunia pendidikan. Suatu perkara penting untuk guru merujuk kepada aras kemahiran *Bloom's Taxonomy* ketika merancang bentuk aktiviti pembelajaran maya agar bersesuaian dengan aras kemahiran yang diinginkan.

Guru juga perlu menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang interaktif. Kandungan pengajaran bagi pembelajaran maya tidak semestinya diberikan dalam bentuk nota yang padat dengan teks atau gambar semata-mata. Sebaliknya para guru perlu mengolah bahan PdP dengan memasukkan suara, video atau simulasi yang menarik dan dapat memberikan kefahaman kepada murid bagi menjelaskan sesuatu pernyataan. Teks hendaklah disusun dengan kemas, ringkas, jelas, dan tidak terlalu padat dalam satu halaman atau slaid, bagi memastikan murid tidak hilang fokus dan boleh memahami dengan cepat sesuatu topik ketika melakukan penerokaan atau pembacaan secara bersendirian. Bahan PdP yang interaktif boleh dihasilkan dengan pelbagai bantuan teknologi seperti *Focusky*, *iClone*, *Video Explainers*, *Wave dan Lively*. Para guru perlu meneroka kemahiran menggunakan teknologi bagi menghasilkan bahan PdP yang interaktif dan menarik.

Pengajaran maya tidak sewajarnya dipraktikkan seperti pengajaran tradisional. Tempoh pembelajaran maya secara bersemuka (*online face to face*) hendaklah dipendekkan dan hanya menekankan kepada memberi kefahaman prinsip dan konsep. Pengajaran maya bukanlah bersifat penerangan yang panjang dan mengambil masa yang lama. Selain pengajaran oleh guru, waktu pengajaran maya juga boleh diubahsuai dan dijadikan sebagai sesi soal jawab dan perbincangan bersama murid bagi melihat dan memastikan keberkesanan pembelajaran sendiri, melalui pelbagai jenis aplikasi seperti *google form* atau *google classroom* yang diharapkan berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan. Hal ini kerana mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh sebahagian murid yang tidak mempunyai akses yang baik kepada perkhidmatan internet atau tidak mempunyai gajet yang mencukupi di rumah.

Guru juga boleh mempelbagaikan kaedah penilaian pembelajaran. Penilaian seperti kuiz, tugas individu/berkumpulan, tutorial, latihan makmal, ujian pertengahan tahun atau ujian akhir tahun secara maya boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah maya yang tidak pernah digunakan sebelum ini seperti kuiz maya, demonstrasi maya, menanda menerusi sistem, penceritaan digital, video pembentangan maya, rakaman suara atau webcast. Melalui penggunaan kaedah tersebut, ujian formatif/sumatif yang berkonsepkan tradisional *face to face* boleh diubah kepada rakaman lakonan pendek, Podcast Pendidikan dalam bentuk audio, infografik, pameran hasil kerja secara dalam talian (*online*) atau pembelajaran berasaskan permainan (*Ed-Tech Games*)¹. Bagi memastikan kelancaran penilaian, soalan perlu dibina dengan bersama dengan rubrik yang lengkap dan jelas, serta relevan dengan permasalahan sebenar agar menepati kehendak permintaan semasa. Kaedah penilaian secara maya ini sebenarnya mampu menilai murid dengan

lebih baik kerana murid melaksanakan ujian secara santai dan mereka juga melalui proses pembelajaran dalam tempoh penilaian tersebut. Penghasilan produk yang mampu menjawab penilaian secara maya ini akan melahirkan generasi yang lebih berani ke hadapan, dan kreatif menyelesaikan masalah.

Guru juga boleh melaksanakan proses penilaian pembelajaran sendiri oleh murid. Pembelajaran maya secara tidak langsung akan menyebabkan murid lebih cenderung kepada pembelajaran sendiri. Oleh itu, amat penting para guru mengalakkan murid untuk melakukan penilaian sendiri dari semasa ke semasa terdapat pemahaman kandungan topik pembelajaran yang dipelajari. Penilaian sendiri ini perlu mendapat panduan daripada guru agar menjadi suatu proses pembelajaran yang bermakna kepada murid. Penilaian ini akan membantu murid dan guru untuk memastikan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) dapat dicapai pada akhir sesi pembelajaran. Guru boleh menyediakan soalan maklum balas penilaian tersebut atau dilaksanakan secara bebas oleh murid. Hasil dapatan dari maklum balas tersebut dapat membantu para guru memperbaiki dan menyediakan pengajaran maya dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

3. Peranan ibubapa

Pembelajaran secara atas talian memerlukan sokongan dan dorongan yang kuat daripada guru dan ibubapa, murid sewajarnya memiliki disiplin yang tinggi agar pelaksanaannya dilihat lebih berkesan. Persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran adalah antara faktor utama menyumbang kepada murid hilang tumpuan belajar dalam kelas. Selain itu, bahan pembelajaran yang tidak menarik, masalah capaian internet dan kurang sokongan ibubapa terhadap murid yang lemah dalam mata pelajaran tertentu turut menyebabkan masalah ini berlaku dengan ketara. Bagi meningkatkan perhatian dan kehadiran murid ketika pembelajaran dalam talian, Ibubapa memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran anak dengan menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa. Di samping kemudahan fizikal, ibubapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai penasihat memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak, mewujudkan jadual pembelajaran yang khusus di rumah bertujuan membantu anak mengurus aktiviti pembelajaran mereka, sama ada secara dalam talian atau sendiri.

Perkara penting yang perlu difahami oleh ibu bapa dalam e-pembelajaran ini ialah guru hanya membantu murid dan berfungsi sebagai pemudah cara. Ibubapa perlu mengatur proses pembelajaran untuk anak di rumah. Proses e-pembelajaran bukan sahaja mengubah

peranan guru, bahkan mengubah peranan ibubapa di rumah, lebih-lebih lagi peranan ibubapa yang anaknya masih di Tahun Satu hingga Tahun Tiga. Murid ini pasti tidak mampu melakukan tugas dalam talian dengan sendiri. Ditambah pula dengan sukatan KAFA yang memerlukan penjelasan saintifik agar mudah difahami oleh murid Tahap 1. Ibubapa perlu membantu dan memantau aktiviti anak. Ini menjadi cabaran baharu kepada ibubapa untuk mewujudkan suasana pembelajaran di rumah yang kondusif.

Kesimpulan

Secara ringkasnya, model wakaf pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) memberikan impak positif kerana pengajaran dan pembelajaran KAFA secara maya adalah antara jalan penyelesaian yang terbaik untuk menghadapi norma pendidikan baharu kini tambahan pula situasi pandemik COVID-19 masih lagi belum pulih dan medium maya menjadi pilihan utama untuk mencapai PdP yang berterusan dan berkesan dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) khususnya di Malaysia. Situasi pandemik ini adalah masa yang sangat sesuai untuk melaksanakan anjakan paradigma, mengubah corak pengajaran dan pembelajaran secara formal yang diamalkan secara bersemuka sebelum ini kepada sesuatu yang lebih fleksibel dengan mencuba kemudahan inovasi pelbagai aplikasi teknologi semasa dan akhirnya hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh murid melalui proses tersebut. Perkembangan digitalisasi dunia tanpa sempadan menjadikan PdP secara maya sentiasa relevan dan penghasilan modul pendidikan wakaf KAFA kini lebih berinovasi seiring dengan matlamat pendidikan agama Islam yang ingin melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan agama, berakhlak mulia dan bermanfaat kepada masyarakat kelak.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh UiTM dibawah GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN ACIS 2021(GPD ACIS) dengan nombor fail 100-ACIS (PT.9/19) yang bertajuk “Kajian Perbandingan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) antara Sekolah Bandar dan Luar Bandar Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia.”

Rujukan

Adnan, H., & Adnan, W. (2020). Kajian keberkesanan proses pendaftaran pelajar dan hari suai kenal pelajar baharu sebelum dan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). *ANP*

Journal of Social Science and Humanities, 1(1), 1-6.

- Ali, S., & Wahid, H. (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *PROSIDING PERKEM ke-9* (pp. 216-225). Kuala Terengganu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali. A., Salleh. H.M., Fong., A. C.N. (2017), *Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Di Selangor*. National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, 23 Ogos 2017
- Al-Sharbini, M. (2006). *Mughni al-muhtaj ila m'arifati m'ani alfaji al-Minhaj*. Cairo: Dar al-hadith.
- Al-Syawkāni, M. (1993). *Nayl al-Awtar* (Vol. 6). Qaherah: Dar al- Hadith.
- Ayub, M., Hassan, S., Noordin, N., & Sawal, M. (2020). Melestarikan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (Sar): Kajian di Pulau Pinang, Perlis Dan Kedah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 69-88.
- Azizan, S., & Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Bahagian Pendidikan Islam, (2021). Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my
- Bahtiar, R. A., Ibrahim, S., Ariffin, H., Ismail, N. H., Isa, W.M.K. (2020). *Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19*. Kuala Lumpur: Institut Aminuddin Baki.
- Bakar, M. A., & Noh, M. A (2019), *Trait Personaliti Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Dalam Pembentukan Akhlak Murid*, e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK 4)
- Berita Harian. (2020). *Sedia hadapi kelas maya sesuai normal baharu*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Bhari, A., Rani, M., Rahman, A., Radzi, N. M., Abdullah, L., Rosele, M., Hamid, M. (2016). The important development of executing of ‘waqf irsod’in contemporary Malaysia. *Advanced Science Letters*, 22(9), 2191-2193.
- Diah, A. H. M. (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia

- Hadi, A., Abd Latif, M., & Rahman, M. (2018). Visualisasi Maklumat Berkomputer Dalam Memperkasakan Pengajaran Kelas Agama Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim Di Peringkat Sekolah Rendah. *Sains Humanika*, 10, 10(3-4), 79-86.
- Hanafi, N. (2020). *4 Cabaran Pembelajaran Atas Talian di Malaysia*. Retrieved from webpendidikan.my/4-cabaran-pembelajaran-atas-talian-di-malaysia/
- Hashim, R., Samri, N., Ramli, R., Mohd Noor, M. (2018). Model Integrasi Wakaf Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Kolokium Penyelidikan Kebangsaan*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Hashim, R., Samri, N. (2018) Model Integrasi Wakaf Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, Kolokium Penyelidikan Kebangsaan, Auditorium Ibn Khaldun, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Hashim, R., Rashid, A., Noh, A. C., Yahya, M. Z., Ali, Z., Hamzah, L. M. (2017). *Laporan Kajian Penambahbaikan Kurikulum, Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA)*. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran & Kurikulum LEPAI, JAKIM.
- Ismail, A. (2013). Konsep dan Pengurusan Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Master Dissertation. Jabatan Pembangunan Kemahiran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2006). *Garis Panduan Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA)*. Kuala Lumpur.
- Mahfuz, S., & Azmi, H. (2021). *Pembelajaran Dalam Talian: 1.8 Juta Pelajar Malaysia Tiada Akses Internet*. Retrieved from [Benarnews.org: https://www.benarnews.org/malay/galeri-foto/my-belajar-talian-210127-01272021171005.html](https://www.benarnews.org/malay/galeri-foto/my-belajar-talian-210127-01272021171005.html)
- Nor, M. R. M., & Othman, W. M. T (2011), *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*, At-Ta'dib Journal. Vol. 6, No. 1, Juni 2011
- Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan, 2018, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Purwaningsih, S., & Susilowati, D. (2020). Peran Wakaf Dalam Meningkatkan Pemberdayaan Ekonomi Umat. *Jurnal Ekonomi, Bisnis, dan Akuntansi*, 22(2), 191-203.
- Rahman, Ab. (2021). Peranan Ijtihad Jama'i dalam Pembentukan Skim Wakaf Tunai di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 23(1), 53-70.
- Rahman, Ab., M., Abdullah Thaidi, H., & Ab Rahim, S. (2020). Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pandemi COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 49-64.
- Ramli, A., & Jalil, A. (2017). Wakaf Korporat : Konsep & Perkembangan Di Malaysia dan Dunia Islam. *Seminar Filantropi dan Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) .
- Ramli, A. (2019). Inovasi Model Wakaf Tunai di Malaysia Berlandaskan Kepada Garis Panduan Fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 18(2 (Edidi Khas).
- Shafie, B.H., & Talib, M.F. (2018), *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) JAKIM*, Jurnal Penyelidikan Pendidikan jilid 12/2018
- Sinar Harian. (2020). *1.7 juta pelajar 'miskin digital'?* Retrieved Februari, 2021, from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/111479/BERITA/Nasional/17-juta-pelajar-miskin-digital>
- Siren, N., Azmi, I., & Jalil, S. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia (Diversity of Community Religious School Management in Malaysia). *Journal of Al-Tamaddun*, 13 (1), 45-56.
- Taib, M. S. M., Mujani, W. K., Yaakub, N. I., Rifin, M. K. I. (2017). *Wakaf Pendidikan di Malaysia: Suatu Pengenalan*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, Narathiwat, Thailand, Princess of Narathiwat University & The National University of Malaysia.
- Usman, M., & Ab Rahman, A. (2020). Funding higher education through waqf: a lesson from Pakistan. *Funding higher education through waqf: a lesson from Pakistan*.
- Zainol Abidin, R., Md Zain, A., & Hamzah, M. H. (2017). *Permasalahan dalam Pelaksanaan Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Daerah Pendang, Kedah*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2 (6), 70-82
- Zuhayli, W. (2002). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz 4. Beirut: Dar el-Fikr.